



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref:FRIM500-2/2/1 (15)
Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh: 13/04/2015

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA SIRI 2/2015

Permohon adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkeelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN : JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT17
(Kekosongan satu (1) jawatan)**
- (b) **PENEMPATAN:** Bahagian Perkhidmatan Teknikal
- (c) **TARAF
JAWATAN :** KONTRAK
- (d) **JADUAL GAJI:** RM 953.00 (Minimum) – RM 3,490.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN:** RM 95.00
- (f) **IMBUHAN :**
 - (i) **TETAP KHIDMAT AWAM :** RM 115.00
 - (ii) **TETAP PERUMAHAN :** RM 180.00
 - (iii) **BANTUAN SARA HIDUP :** RM 300.00

(g) **SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) terdiri daripada warganegara;
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta lulus subjek elektrik atau elektronik atau teknologi maklumat pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, (Gaji permulaan ialah pada Gred FT17 : RM953.00); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, (Gaji permulaan ialah pada Gred FT17 : RM1010.77); atau

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, (Gaji permulaan ialah pada Gred FT17 : RM1068.89); atau
- (vi) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau pemprosesan data yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya, (Gaji permulaan ialah pada Gred FT17 : RM1,234.24); atau
- (vii) Sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya, (Gaji permulaan ialah pada Gred FT17 : RM1,417.59); dan
- (viii) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan atas talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM <http://www.frim.gov.my/careers/> akan diproses.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 April 2015 (Khamis)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah mengangap permohonan mereka tidak berjaya.